



MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT

DOKUMEN SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BIL : MPS.600-8/1/30

TAJUK SEBUT HARGA

**PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DAN MEMCUCI
DATARAN SEGAMAT DAN KAWASAN SEKITARNYA**

KOD BIDANG 221001,221002 DAN 221003

PENGGHUSUSAN : PERKHIDMATAN

TUTUP PADA: 23 JANUARI 2019 (RABU)

JAM 12.00 TENGAHARI

**PANDUAN KONTRAKTOR / PEMBEKAL
DAN
MENJILID DOKUMEN SEBUT HARGA**

1. Setiap satu pembelian sebut harga, tuan/puan akan menerima sepertimana berikut :
 - a) Muka Hadapan dokumen sebut harga yang telah sedia dicetak dengan kertas berwarna, telah dicap dan diisi maklumat nama kontraktor/pembekal, kelas, tempoh pendaftaran, tarikh dijual, tandatangan penjual dan nombor resit bayaran.
 - b) Sekeping CD-R yang mengandungi kandungan dokumen sebut harga dalam format PDF atau JPEG yang perlu dicetak dan dijilidkan atau sebuah dokumen yang mengandungi dokumen seperti berikut : -
 - a) MDS-RK-002 - Iklan Sebut harga
 - b) MDS-RK-003 - Arahan Kepada Penyebut Harga
 - c) MDS-RK-004 - Borang Senarai Kerja / Bekalan / Perkhidmatan Kontrak Semasa
 - d) MDS-RK-005 - Borang Rekod Pengalaman Kerja / Bekalan / Perkhidmatan
 - e) MDS-RK-007 - Borang Maklumat Penyebut harga
 - f) MDS-RK-012 - Borang Senarai Semak Sebut Harga
 - g) Lampiran A1 - Borang Surat Akuan Pembida
 - h) Lampiran Q
2. Tuan/Puan dikehendaki;
 - a) Mencetak semua dokumen (a) hingga (h) di perkara 1 dengan kertas bersaiz A4.
 - b) Menjilid dengan mengikut susunan dan cara berikut;
 - i) Muka Hadapan yang telah diberikan (**salinan tidak dibenarkan**).
 - ii) Dokumen (a) hingga (h) di perkara 1 yang dicetak.
 - iii) Dokumen sokongan; Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia, Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia (jika ada) , dan Salinan Pendaftaran Perniagaan SSM;
 - iv) Di susun semua dokumen di atas mengikut turutan dan di 'staple' di sebelah tepi kiri (atas, tengah dan bawah) dokumen.
 - c) Mengisi dan menandatangani borang-borang yang disediakan seperti biasa dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat, di lakri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Pejabat Majlis Perbandaran Segamat sebelum tarikh dan masa tutup sebut harga.

AMARAN

3. Mana-mana pihak kontraktor/pembekal yang cuba mencetak/menyalin lebih dari satu dokumen dalam satu belian dan memberi kepada pihak kontraktor/pembekal yang lain dan kemudiannya cuba menyertai sebut harga, jika dapat diketahui oleh pihak Majlis Perbandaran Segamat, kedua-dua pihak kontraktor/pembekal akan dibatalkan penyertaan dan akan disenarai hitamkan. Kawalan akan dibuat berdasarkan pada Muka Hadapan yang diberi hanya satu setiap pembelian dan di meterai Logo Majlis Perbandaran Segamat. Semakan akan dibuat semasa membuka sebut harga.